

14/07/2001

Abdul Rahman mesra dampingi rakyat

Ridzuan Yop

PEMIMPIN berjiwa rakyat itulah gelaran paling tepat dapat diberikan kepada Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Abdul Rahman Abbas yang mudah mesra ketika berdamping dengan rakyat jelata.

Pembabitan Abdul Rahman dan isterinya, Toh Puan Majimor Sharif dalam pelbagai kegiatan kerajaan negeri sejak menjawat jawatan itu 1 Mei lalu membuktikan beliau amat selesa dan tidak kekok berada di samping rakyat, walaupun beliau adalah pemimpin tertinggi negeri.

Lahir dalam keluarga yang sederhana, Abdul Rahman yang juga aktif sebagai ahli politik sebelum ini, tentunya amat memahami masalah serta kehidupan rakyat terutama di peringkat akar umbi.

Abdul Rahman, 63, tidak lokek berkongsi minat bersama rakyat jelata dalam pelbagai bidang daripada kegiatan sukan hinggalah membaca puisi yang amat digemarinya.

Bagi Abdul Rahman, rakyat adalah keutamaan beliau kerana baginya tanpa keharmonian dan kesejahteraan hidup rakyat, sesebuah negeri itu tidak akan mampu mengecapi pembangunan dan kemakmuran.

Oleh itu, tidak hairanlah kenyataan pertama yang dikeluarkan beliau ketika baru menjawat jawatan Yang di-Pertua Negeri, iaitu beliau mahu melihat rakyat negeri yang didiami rakyat berbilang kaum dapat hidup aman dan damai.

"Negara ini mempunyai pelbagai kaum dan semua rakyat mempunyai aspirasi yang sama iaitu untuk hidup dalam suasana aman, makmur dan tenteram.

"Oleh itu, saya percaya dengan kepemimpinan yang ada sama di peringkat kerajaan negeri dan Persekutuan, perpaduan dapat dikekalkan dan pembangunan dapat terus dinikmati.

"Hasrat pertama saya selepas dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri adalah untuk melihat Pulau Pinang terus maju, rakyatnya bersatu padu serta dapat hidup dalam suasana aman dan damai," katanya dalam suatu pertemuan ketika baru dilantik sebagai TYT di kediaman rasmi semmentaranya di Rumah Tetamu, Jalan Macalister, Pulau Pinang.

Abdul Rahman, adalah seorang ahli perniagaan sebelum dilantik sebagai TYT menggantikan Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir yang berkhidmat selama 12 tahun sejak 1989.

Beliau yang juga bekas Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), berkata rakyat perlu mempunyai negara yang aman untuk membolehkan mereka dapat terus menikmati pembangunan yang dirancang oleh kerajaan.

Anak kelahiran Kampung Permatang Rambai, Kepala Batas, Seberang Prai Utara (SPU), itu memulakan kerjaya sebagai seorang guru ketika berusia 14 tahun dan guru termuda di Kepala Batas sebelum melanjutkan pelajaran ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak.

Abdul Rahman yang mempunyai empat anak serta lapan cucu, berkata melihatkan tidak ramai guru siswazah di kalangan anak Melayu, beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (UM) dalam pengajian Sastera pada usia 31 tahun.

Pembabitan beliau dalam politik mula terserlah apabila memegang jawatan timbalan ketua bahagian Kepala Batas yang ketika itu diketuai Ahmad Badawi yang juga ayah kepada Timbalan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Abdullah dan beliau kemudian memenangi jawatan Exco Pemuda pada zaman Tan Sri Syed Jaafar Albar dan Datuk Harun Idris.

Beliau kemudian dilantik sebagai Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri dan menjadi jawatan paling lama disandangnya selama 14 tahun,

manakala kerjaya Abdul Rahman sebagai wakil rakyat bermula pada 1977 apabila beliau memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Bertam di Kepala Batas selepas kematian Ahmad Badawi.

Pada pilihan raya kecil itu, Abdul Rahman menang tanpa bertanding dan terus mempertahankan kerusi itu sehingga beliau bersara pada 1995.

"Daripada pemerhatian saya, setiap Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) sama ada kerajaan mahupun perlu bekerja kuat bagi memastikan Pulau Pinang terus membangun," katanya yang berpengalaman sebagai Speaker DUN.

Bagi mengisi masa lapangnya Abdul Rahman suka bermain golf, berjoging dan membaca serta membantu isterinya menanam pokok bunga di sekitar kediaman mereka.

Beliau amat gemar membaca terutama biografi tokoh terkemuka dunia serta tempatan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pandangannya dalam pelbagai isu.

Selain itu, Abdul Rahman turut mempunyai koleksi biografi tokoh agama Islam seperti nabi-nabi serta tokoh pemimpin terkemuka dunia, termasuk Mao Tze Tung, Gandhi dan Nelson Mandela.

Beliau juga pernah menulis untuk beberapa ruangan di akhbar suatu ketika dulu, seperti rencana, kupasan sastera serta puisi dan sajak.

(END)